



17 MAR, 2026

TNB, TM meterai kerjasama strategik

Harian Metro, Malaysia



SHAMSUL (tiga dari kanan) dan Amar Huzaimi (tiga dari kiri) bertukar dokumen dalam majlis pertukaran dokumen MoU antara kedua-dua syarikat.

TNB, TM meterai kerjasama strategik

Kuala Lumpur

Dua gergasi infrastruktur negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) memeterai kerjasama strategik bagi memperkukuh solusi tenaga hijau serta membangunkan infrastruktur telekomunikasi yang lebih pintar dan mampan.

Langkah proaktif itu di-zahirkan melalui pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan menggabungkan kepakaran tenaga hijau dan digital selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, sebagai permulaan, pihaknya sedang menilai potensi pemasangan sistem solar di sehingga 150 premis milik TM di seluruh negara.

Beliau berkata, kerjasama itu turut menyasarkan peluasan pemasangan solar kepada lebih banyak kediaman pelanggan Unifi Home setiap tahun melalui

Perkukuh solusi tenaga hijau, bangun infrastruktur telekomunikasi lebih pintar

anak syarikatnya, GSPARX bagi memberi nilai tambah kepada pengguna.

“Selain solar, peningkatan rangkaian stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) turut dirangka dalam pelaksanaan ini bagi memberikan kemudahan dan pengalaman penggunaan yang lebih baik kepada pemilik EV.

“TNB komited menyokong NETR bagi meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu serta memperkukuh agenda peralihan negara ke arah pelepasan sifar bersih menjelang 2050,” katanya dalam satu kenyataan.

“Selain solar, peningkatan rangkaian stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) turut dirangka dalam pelaksanaan ini bagi memberikan kemudahan dan pengalaman penggunaan yang lebih baik kepada pemilik EV”

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Amar Huzaimi Md Deris menyifatkan kerjasama itu sebagai cerminan komitmen bersama untuk memperkukuh ekosistem tenaga dan digital yang bersedia untuk masa hadapan.

Katanya, gabungan kepimpinan TNB dalam tenaga boleh diperbaharui dengan kekuatan infrastruktur digital serta keupayaan kecerdasan buatan (AI) milik TM akan mewujudkan nilai signifikan kepada kedua-dua organisasi.

“Selaras dengan aspirasi

Digital Powerhouse 2030, kerjasama ini mencerminkan usaha TM dalam memperkasa transformasi digital merentasi sektor-sektor utama negara,” katanya.

Kerjasama strategik ini memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu penyelesaian tenaga lestari melalui GSPARX dan TNB Electron, pemerkasaan teknologi digital.

Melalui integrasi analitik berasaskan AI, pelanggan berpotensi menikmati sistem digital pintar yang mampu memantau penggunaan tenaga, mengesan gangguan lebih awal serta mempercepatkan proses pemulihan bekalan.

Sehingga akhir tahun lalu, GSPARX telah berjaya memperoleh lebih 530MW projek solar bumbung manakala TNB Electron pula sudah mengendalikan kira-kira 256 stesen pengecasan EV di seluruh negara.